

# Penerbit UMS jayakan Bengkel Penulisan Ilmiah 2016: Tesis ke buku

NST 8.11.2016 12

KOTA KINABALU: Bersempena dengan Program Budaya Ilmu Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2016, Penerbit UMS dengan kerjasama Perpustakaan UMS menganjurkan Bengkel Penulisan Ilmiah 2016: Tesis ke Buku baru-baru ini di Galeri Majlis, UMS.

Penerbit UMS dalam satu kenyataan menjelaskan, bengkel sehari ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan memantapkan kemahiran para pensyarah dan pelajar sarjana dalam menghasilkan buku dan artikel daripada tesis masing-masing.

Di samping itu, bengkel ini juga turut mampu meningkatkan bilangan penerbitan para peserta khususnya, dan universiti amnya.



**PESERTA ...** Para peserta Bengkel Penulisan Ilmiah 2016 merakamkan gambar kenangan.

Bengkel tersebut disampaikan oleh Profesor Dr Kamaruzaman Yusof dan Dr Mansoureh Ebrahimi, kedua-duanya merupakan pensyarah dari Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah banyak menghasilkan penerbitan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Pada bengkel ini para peserta amat bertuah kerana dapat berkongsi pengalaman dengan Dr Mansoureh yang berjaya menerbitkan bukunya bersama Springer berjudul 'The British Role in Iranian Domestic Politics (1951-1953),' yang diolah daripada tesis beliau.